

**Kajian Perbandingan Pencapaian Pelajar Melayu Dengan Pelajar
Bukan Melayu Bagi Program Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian)
(Keusahawanan Kejuruteraan) Di Universiti Malaysia Perlis**

Ahmad Zulhusny bin Rozali, Tengku Suriani binti Tengku Yaakub &
Syarifah Fairuz Bt Syed Radzuan

Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT)

Universiti Malaysia Perlis

Abstrak - Pendidikan tinggi merupakan satu arena yang mencabar bagi mahasiswa membina potensi diri untuk masa depan. Pelbagai program pengajian pendidikan tinggi boleh diikuti di Malaysia. Pelajar melayu turut tidak ketinggalan perlu mengharungi arena ini demi masa hadapan yang dirancang. Persaingan wujud sesama pelajar di arena pendidikan tinggi. Masing-masing berebut-rebut mengejar pencapaian *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) yang baik. Pencapaian CGPA akan membezakan tahap pencapaian pelajar semasa di universiti. Kajian ini dilakukan bagi membandingkan pencapaian pelajar melayu dengan pelajar bukan melayu bagi program Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) di Universiti Malaysia Perlis. Perbandingan dibuat dengan menganalisis peratus bilangan pelajar dalam julat yang ditetapkan. Data yang ditunjukkan dalam jadual-jadual dan rajah-rajah dibahaskan untuk tujuan perbandingan. Pada akhir kajian ini diusulkan cadangan-cadangan untuk meningkatkan pencapaian pelajar melayu.

Kata kunci: *perbandingan, pencapaian CGPA, pelajar melayu.*

1. Pengenalan

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) adalah merupakan universiti awam yang ke 17 ditubuhkan di Malaysia. Pada awalnya UniMAP ditubuhkan dengan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) bersama-sama tiga lagi kolej universiti yang di bawah *Malaysia Technical University Network* (MTUN). Penubuhan UniMAP pada mulanya difokuskan kepada penawaran program-program berasaskan kejuruteraan. Fokus tersebut telah diterjemahkan kepada penubuhan lapan buah pusat pengajian kejuruteraan yang wujud di UniMAP sehingga hari ini.

Sejajar dengan penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam usaha untuk meningkatkan keusahawanan dalam pengajian tinggi negara, maka UniMAP telah mengambil langkah pro aktif dengan mula menawarkan program pengajian perniagaan yang pertama pada tahun 2009. Pada tahun tersebut dua program pengajian perniagaan ditawarkan iaitu:

- i. Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan)
- ii. Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Perniagaan Antarabangsa)

Pengambilan pertama kedua-dua program tersebut telah dilakukan pada bulan Jun 2009 dengan kelompok pengambilan pertama seramai 136 pelajar bagi program Keusahawanan Kejuruteraan dan 169 pelajar bagi program Perniagaan Antarabangsa.

Kedua-dua program tersebut yang ditawarkan selama 3 tahun dijangka mengeluarkan graduanya yang pertama melalui Majlis Konvokesyen yang dijadualkan pada September 2012.

2. Latar Belakang Kajian

Program Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) ditawarkan dengan matlamat seperti berikut:

- i. Untuk melahirkan graduan yang mempunyai kombinasi ilmu yang mendalam dalam bidang pengurusan dan keusahawanan serta kemahiran asas kejuruteraan;
- ii. Untuk melahirkan graduan yang mempunyai kompetensi sebagai usahawan, tidak bergantung kepada sektor makan gaji semata-mata.

Bagi graduan-graduan yang dihasilkan melalui program ini, peluang-peluang kerjaya yang boleh diceburi adalah seperti berikut:

- i. Bekerja dalam bidang kewangan dan perbankan, perhotelan, ekonomi dan pelaburan, perkhidmatan kerajaan, pemasaran, pengeluaran, perkilangan, penyediaan, perindustrian dan sebagainya;
- ii. Menjadi usahawan berjaya yang berdaya saing dan mampu menjana pendapatan lumayan.


Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) yang ditawarkan mempunyai keunikannya sendiri iaitu pelajar perlu mengikuti Program Inkubator Perniagaan yang dilaksanakan pada cuti semester antara tahun ke-2 dan tahun ke-3. Melalui program ini, pelajar akan ditempatkan di inkubator yang terpilih di seluruh negara dan menjalani proses inkubasi selama 12 minggu (3 bulan). Pelajar perlu membangunkan idea untuk menghasilkan satu produk berasaskan inovasi dan kreativiti masing-masing dengan menggunakan kemudahan yang disediakan di inkubator perniagaan.

Pengambilan untuk program ini dibuat dengan menerima lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan lepasan Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Statistik pelajar ambilan pertama program ini ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Statistik pelajar Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) ambilan 2009/2010

Bangsa	Bilangan	Peratus
Melayu	81	59%
Cina	35	26%
India	9	7%
Lain-lain	5	4%
Antarabangsa	6	4%
JUMLAH	136	100%

Sumber: Unit Kemasukan dan Rekod, Jabatan Pendaftar, UniMAP



Rajah 1: Peratus Statistik Pelajar Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) ambilan 2009/2010

Rajah 1 di atas menunjukkan peratus statistik pelajar Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) ambilan 2009/2010. Keseluruhannya program ini didominasi oleh pelajar Melayu dengan 59% berbanding hanya 41% pelajar bukan Melayu dengan Cina menyumbang 26%, diikuti India 7%, lain-lain bangsa dan pelajar antarabangsa masing-masing 4%.

3. Objektif, Skop dan Metodologi

Objektif kajian perbandingan pencapaian pelajar Melayu berbanding pelajar bukan Melayu bagi Program Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan) di Universiti Malaysia Perlis dibuat adalah:

- i. Meninjau perbandingan tahap pencapaian pelajar Melayu terhadap pelajar bukan Melayu;
- ii. Mengemukakan cadangan bagi meningkatkan pencapaian pelajar Melayu.

Bagi mencapai objektif kajian ini, metodologi yang digunakan adalah dengan menganalisis pencapaian pelajar Melayu berbanding pelajar bukan Melayu melalui peratus *Cumulative Grade Point Average* (CGPA) yang diperolehi oleh pelajar sehingga Semester 1, Sidang Akademik 2011/2012. Pelajar-pelajar pada masa ini sedang berada dalam semester akhir pengajian dan dijangka tamat pada Jun 2012.

Perbandingan dibuat dengan membahagikan kategori pencapaian kepada tiga kategori iaitu:

Jadual 2: Kategori pencapaian CGPA

Pencapaian	Klasifikasi
3.50 – 4.00	Cemerlang
3.00 – 3.49	Baik
2.00 – 2.99	Sederhana


4. Analisis Pencapaian PNGK

Jadual 3 menunjukkan statistik pelajar mendapat CGPA 3.50 hingga 4.00. Daripada jadual tersebut dapat dirumuskan bahawa pencapaian pelajar bukan melayu lebih baik berbanding pelajar melayu dimana 16 pelajar bukan melayu (Cina-11, India-3, Lain-lain-1, Antarabangsa-1) mendapat CGPA 3.50 ke atas dan hanya 6 orang pelajar melayu berada dalam kategori ini. Kelemahan ini dapat dilihat dengan ketara jika dirujuk kepada statistik keseluruhan pelajar yang didominasi oleh pelajar melayu sebanyak 59% (Jadual 1), dan kemudiannya hanya tinggal 27% yang dikalsifikasikan sebagai cemerlang.

Jadual 3: Statistik Pelajar Mendapat CGPA 3.50 – 4.00

Bangsa	Bilangan
Melayu	6
Cina	11
India	3
Lain-lain	1
Antarabangsa	1
JUMLAH	22

Sumber: Academic Management Information System (AMIS) UniMAP



Rajah 2: Peratus Statistik Pelajar Mendapat CGPA 3.50 – 4.00

Rajah 2 diatas menunjukkan perbandingan peratus yang dibuat terhadap pelajar mendapat CGPA 3.50 hingga 4.00. Pelajar cina lebih mendominasi kumpulan pelajar yang mendapat CGPA 3.5 ke atas diikuti melayu 27%, india 14% manakala lain-lain bangsa dan pelajar antarabangsa sebanyak 5%.

Jadual 4 di bawah menunjukkan statistik pelajar yang mendapat CGPA antara 3.00 dan 3.49. Seramai 50 pelajar melayu berada dalam kategori ini, diikuti cina 19 orang, india, lain-lain bangsa dan pelajar antarabangsa seramai 3 orang. Keseluruhannya 78 pelajar beradalah dalam kumpulan pencapaian baik (CGPA 3.00 – 3.49)


Jadual 4: Statistik Pelajar Mendapat CGPA 3.00 – 3.49

Bangsa	Bilangan
Melayu	50
Cina	19
India	3
Lain-lain	3
Antarabangsa	3
JUMLAH	78

Sumber: Academic Management Information System (AMIS) UniMAP

Rajah 3 diatas menunjukkan perbandingan peratus yang dibuat terhadap pelajar mendapat CGPA 3.00 hingga 3.49. Pelajar melayu mendominasi kumpulan ini dengan 64% diikuti cina 24%, india, lain-lain bangsa dan pelajar antarabangsa sebanyak 4%.

Jadual 5 di bawah menunjukkan statistik pelajar yang mendapat CGPA antara 2.00 dan 2.99. Seramai 25 pelajar melayu berada dalam kelompok ini, diikuti cina 5 orang, india 3 orang , lain-lain bangsa 1 dan pelajar antarabangsa seramai 2 orang.




Rajah 3: Peratus Statistik Pelajar Mendapat CGPA 3.00 – 3.49

Jadual 5: Statistik Pelajar Mendapat CGPA 2.00 – 2.99

Bangsa	Bilangan
Melayu	25
Cina	5
India	3
Lain-lain	1
Antarabangsa	2
JUMLAH	36

Sumber: Academic Management Information System (AMIS) UniMAP



Rajah 4: Peratus Statistik Pelajar Mendapat CGPA 2.00 – 2.99

Rajah 4 diatas menunjukkan perbandingan peratus yang dibuat terhadap pelajar mendapat CGPA 2.00 hingga 2.99. Pelajar melayu sekali lagi menjadi pelajar yang dominan dengan 69% diikuti cina 14%, india 8%, lain-lain bangsa 3% dan pelajar antarabangsa sebanyak 6%. Peratus pelajar melayu dalam kelompok ini adalah lebih tinggi (69%) berbanding peratus statistik pelajar melayu dalam program keusahawanan kejuruteraan iaitu 59%. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar melayu gagal menyaingi bangsa lain dengan hanya menghuni kelopak bawahan dari aspek pencapaian CGPA.

Jadual 6 di bawah menunjukkan statistik pencapaian CGPA pelajar mengikut kaum bagi Program Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) (Keusahawanan Kejuruteraan). Bagi kategori 3.50 – 4.00 (cemerlang) diungguli oleh pelajar cina dengan 11 pelajar daripada keseluruhan 22 pelajar dalam kategori ini. Pelajar Melayu pula mendominasi kumpulan 3.00 – 3.49 (baik) dan 2.00 – 2.99 (sederhana) secara keseluruhannya.

Jadual 6: Statistik Pencapaian CGPA Pelajar Mengikut Kaum

Bangsa	Bilangan Pelajar	CGPA		
		3.50 – 4.00 (Cemerlang)	3.00 – 3.49 (Baik)	2.00 – 2.99 (Sederhana)
Melayu	81	6	50	25
Cina	35	11	19	5
India	9	3	3	3
Lain-lain	5	1	3	1
Antarabangsa	6	1	3	2
JUMLAH	136	22	78	36

Sumber: Academic Management Information System (AMIS) UniMAP

Jadual 7 menunjukkan statistik pencapaian cgpa pelajar melayu berbanding pelajar bukan melayu. Daripada jadual ini juga dapat dilihat pelajar bukan melayu lebih cemerlang pencapaiannya berbanding pelajar Melayu. 16 daripada 22 pelajar yang mendapat CGPA 3.50 ke atas adalah pelajar bukan melayu. Kebanyakan pelajar melayu berada dalam kategori CGPA 3.49 dan ke bawah dengan 50 pelajar mendapat 3.00 – 3.49 dan 25 lagi mendapat 2.00 – 2.99.

Jadual 7: Statistik Pencapaian CGPA Pelajar Melayu Berbanding Pelajar Bukan Melayu

Bangsa	Bilangan Pelajar	CGPA		
		3.50 – 4.00 (Cemerlang)	3.00 – 3.49 (Baik)	2.00 – 2.99 (Sederhana)
Melayu	81	6	50	25
Bukan Melayu	35	16	28	11
JUMLAH	136	22	78	36

Sumber: Academic Management Information System (AMIS) UniMAP

5. Kesimpulan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan pencapaian CGPA pelajar melayu adalah rendah jika dibandingkan dengan pencapaian pelajar bukan melayu. Pelajar cina lebih cemerlang dalam pencapaian CGPA jika dibandingkan dengan pelajar melayu dan pelajar bangsa lain. Walau bagaimanapun penilaian terhadap pencapaian CGPA sahaja tidak boleh menilai pencapaian keseluruhan pelajar. Beberapa aspek lain yang boleh diambilkira adalah dari aspek sahsiah, moral, kemahiran praktikal, kemahiran insaniah dan sebagainya.

Bagi meningkatkan pencapaian CGPA pelajar melayu dalam aspek pendidikan secara keseluruhannya beberpa langkah boleh diambil. Antaranya adalah bimbingan yang khusus perlu diberikan kepada pelajar Melayu oleh pihak pemberi pendidikan. Contoh yang boleh dilakukan adalah Program Mentor-Mentee, di mana pensyarah dilantik sebagai mentor kepada beberapa pelajar melayu bagi tujuan pemantauan pencapaian.

Selain itu, kajian lanjut perlu dibuat untuk mengenalpasti punca dan faktor pencapaian CGPA pelajar bukan melayu lebih baik dari pelajar melayu. Hasil kajian boleh digunakan untuk membangunkan modul bersesuaian bagi meningkatkan prestasi pelajar melayu. Usahasama yang erat antara komuniti melayu juga amat diperlukan bagi membantu antara satu sama lain. Contoh aktiviti yang boleh dilakukan ke arah itu adalah program motivasi anak melayu, pemantauan pencapaian anak melayu dan sebagainya.

Akhir sekali, sikap yang positif juga perlu ada dalam diri pelajar-pelajar melayu. Penerapan sikap positif ini perlu dibuat oleh pelbagai pihak termasuklah ibu bapa, pendidik dan masyarakat melayu secara umumnya.

Rujukan

- Academic Management Information System (AMIS), Universiti Malaysia Perlis,
http://amis.unimap.edu.my/AMIS/kk_Laporan2_AnalisaStatus.jsp yang dicapai pada Mac 2012.
- Info Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Julai – Disember 2011* (2012), Unit Penerbitan Universiti Malaysia Perlis.
- Noordin T.A. et. Al (2006), *Membina Pelajar Cemerlang: Evolusi Pembelajaran Sepanjang Hayat*, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Prosiding Seminar Kebangsaan Hasil Penyelidikan Pembangunan Keusahawanan, 2009.
- Prosiding Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA), 2010.